

SULIT

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

BILANGAN 5 TAHUN 2022

TARIKH : 23 MEI 2022 (ISNIN)
MASA : 9.00 PAGI
**TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, <i>D.I.M.P.</i> (Yang Dipertua) | - | Pengerusi |
| 2. | Cik Ang Lee Yong | - | Ahli Majlis |
| 3. | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Wong Kim Loon | - | Ahli Majlis |
| 5. | Encik Nadasan a/l Subramani | - | Ahli Majlis |
| 6. | Encik Gan Yee Chin | - | Ahli Majlis |
| 7. | Encik Lim Tou Yih | - | Ahli Majlis |
| 8. | Encik Razali bin Ahmad | - | Ahli Majlis |
| 9. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid | - | Ahli Majlis |
| 10. | Puan Rahimah binti Harun | - | Ahli Majlis |
| 11. | Encik Yong Keh Chyn | - | Ahli Majlis |
| 12. | Encik Abu Bakar bin Mohamad | - | Ahli Majlis |
| 13. | Encik Naharanuar bin Ayob | - | Ahli Majlis |
| 14. | Puan Rogayah binti Ibrahim | - | Ahli Majlis |
| 15. | Encik Norazmi bin Mohamed Tahir | - | Ahli Majlis |
| 16. | Encik Lim Lip Suan | - | Ahli Majlis |
| 17. | YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan, <i>D.I.M.P., P.J.M., P.P.A.</i> | - | Ahli Majlis |
| 18. | Encik Tan Wee King | - | Ahli Majlis |
| 19. | Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy | - | Ahli Majlis |
| 20. | Encik Panalsalwa a/l R Kuppan | - | Ahli Majlis |

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 21. | Encik Zulkipli bin Said | - | Ahli Majlis |
| 22. | Encik Abd Razak bin Ramli | - | Ahli Majlis |
| 23. | TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.</i> | - | Setiausaha |

TURUT HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 1. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan Kejuruteraan |
| 2. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan Perbendaharaan |
| 3. | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat |
| 4. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan Landskap |
| 5. | Puan Lisawati binti Abd. Karim | - | Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 6. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan |
| 7. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan |
| 8. | Puan Nordila binti Yasir | - | Pengarah Jabatan Pelesenan |
| 9. | Puan Norain binti Mohamed | - | Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekutaran |
| 10. | Puan Hashila binti Hamzah | - | Pengarah Jabatan Penguatkuasaan |
| 11. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, <i>P.P.T.</i> | - | Ketua Bahagian Teknologi Maklumat |
| 12. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim | - | Ketua Unit Pusat Setempat |
| 13. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit Dalam |

- | | | | |
|-----|--|---|--|
| 14. | Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, <i>P.P.T.</i> | - | Ketua Unit Perundangan & Unit Perolehan dan Ukur Bahan |
| 15. | Encik Mohd Shauki bin Jamaludin | - | Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan |
| 16. | Encik Wan Putara Noor Shaham bin Ngadirin | - | Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun, <i>D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.</i> Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya Orang Besar Daerah Kuala Langat | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Mohd Safiee bin Harun | - | Ahli Majlis |
| 3. | Encik Haridass a/l Ramasamy | - | Ahli Majlis |

DIJEMPUT HADIR

- | | | | |
|----|--|---|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Lau Weng San Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Banting | - | Pemerhati |
|----|--|---|-----------|

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- | | | | |
|----|--------------------------------|---|-----------------------------|
| 1. | Encik Muhammad Faiz bin Jambri | - | Pegawai Tadbir |
| 2. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 3. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |

| PERKARA | TAJUK PERKARA | TINDAKAN |
|---------|--|-----------------|
| 1.0 | UCAPAN PENGERUSI | |
| | <p>Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan Al Fatihah bagi ahli mesyuarat yang beragama Islam.</p> <p>YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini.</p> <p>Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara berikut :</p> | |
| ○ | <p>1.1 Kerajaan Negeri telah melanjutkan tempoh kontrak perkhidmatan beliau untuk tempoh dua tahun iaitu mulai 20 Julai 2022 sehingga 19 Julai 2024. Beliau menzahirkan kesyukuran kerana masih dapat berkhidmat di Negeri Selangor dan berharap dapat menyelesaikan beberapa tugas yang perlu dilakukan.</p> <p>Oleh itu, MPKL perlu meneruskan prestasi kerja yang cemerlang, tingkatkan kutipan hasil dan terus bergerak maju ke hadapan supaya MPKL tidak tergugat dengan masalah kewangan pada masa akan datang. Semua permasalahan yang timbul ketika ini perlu diambil tindakan dan diselesaikan dengan segera.</p> <p>Semua pengarah dan ketua unit diminta mengambil perhatian dan tindakan terhadap sebarang maklumat yang disampaikan oleh Ahli Majlis dalam membantu menyelesaikan masalah penduduk setempat. Selain itu, Ahli Majlis juga dinasihatkan untuk mendekati penduduk di zon masing-masing supaya kerjasama yang erat akan terjalin sesama mereka. Pada masa yang sama, Ahli Majlis bertindak sebagai mata dan telinga kepada pihak Majlis dalam menyalurkan aduan dan maklumat masyarakat.</p> <p>Selain itu, pihak Majlis perlu memantau isu-isu yang timbul akibat pembangunan-pembangunan yang sedia ada dan pembangunan baharu. Beliau mengambil contoh isu pembinaan persimpangan bertingkat di Bandar Saujana Putra yang dikhuatiri akan menjadi satu isu panas pada masa akan datang.</p> | Makluman |

| | | | |
|-----|---|--|-----------------|
| 2.0 | PENGESAHAN MINIT MESYUARAT | | |
| | 2.1 | MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 4 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 25 APRIL 2022 | |
| | | <p>Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Puan Nor Aishah binti Abdul Majid dengan pindaan kepada :</p> <p>'Dimaklumkan pihak jabatan telah menghantar memo kepada pihak JK untuk membuat kerja sebut harga dan <u>seterusnya dihantar ke UPEN untuk permohonan peruntukan DIPINDA KEPADA dan akan menggunakan peruntukan daripada tabung amanah Caj Pemajuan untuk pemberian balairaya yang berkenaan.</u></p> | Makluman |
| 3.0 | PERKARA-PERKARA BERBANGKIT | | |
| | | - TIADA - | |
| 4.0 | MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT : | | |
| | 4.1 | MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 5 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 MEI 2022. | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | |
| | 4.2 | MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAK BILANGAN 5 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 MEI 2022. | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut : | |

| | | | |
|--|-----|---|--|
| | i. | <p>Perkara 4.1.2</p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu lokasi pemasangan tambahan 10 unit CCTV.</p> <p><i>Ketua BTM akan memberikan senarai lokasi tersebut kepada Ahli Majlis.</i></p> <p><i>Tuan Setiausaha memaklumkan pemilihan lokasi pemasangan CCTV telah mengambil kira pandangan daripada pihak Polis dan cadangan Ahli Majlis berdasarkan kawasan yang berisiko berlaku jenayah dan lokasi pembuangan sampah haram.</i></p> <p><i>Encik Yong Keh Chyn ingin tahu jadual perancangan pemasangan CCTV tersebut memandangkan sebelum ini dimaklumkan pemasangan akan bermula pada bulan April 2022.</i></p> <p><i>Ketua BTM memaklumkan pihak Majlis sedang dalam proses untuk membala surat daripada Kerajaan Negeri dan Unit Perundangan sedang meneliti terma perundangan yang berkaitan.</i></p> | <p>BTM</p> <p>Makluman</p> |
| | 4.3 | MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 5 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 MEI 2022. | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | Makluman |
| | 4.4 | MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 5 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 MEI 2022. | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | |

| | | | |
|--|------|---|-----------------|
| | 4.5 | MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 5 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 MEI 2022. | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut : | |
| | i. | <p>Perkara 2.0</p> <p>Tuan Setiausaha memaklumkan berlaku kelewatan dalam pelaksanaan projek pembinaan ‘flyover’ di Bandar Saujana Putra seperti yang dimaklumkan oleh pemaju dalam mesyuarat ini.</p> | Makluman |
| | ii. | <p>Cik Ang Lee Yong memohon JK membaiki kerosakan lantai gelanggang bola keranjang di Jalan Telok Bunut memandangkan majlis perasmian gelanggang tersebut akan diadakan pada 12 Jun 2022.</p> | JK |
| | iii. | <p>Perkara 7.8.1</p> <p>Encik Yong Keh Chyn berharap pihak TNB dapat menyediakan laporan berkaitan isu gangguan bekalan elektrik di Sungai Jarom dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Pengangkutan Awam yang akan datang. Ini kerana Kuala Langat sedang giat membangun dan isu gangguan bekalan elektrik tidak sepatutnya terjadi.</p> <p><i>Tuan Setiausaha berpendapat tidak timbul isu gangguan bekalan elektrik di daerah Kuala Langat memandangkan infrastruktur bekalan elektrik adalah mencukupi pada masa ini.</i></p> <p><i>Cik Ang Lee Yong memaklumkan perkara ini pernah dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Taman Perindustrian sebelum ini. Oleh itu, beliau mencadangkan satu mesyuarat diadakan bersama pihak TNB bagi membincangkan isu ini.</i></p> <p><i>Encik Wong Kim Loon memaklumkan kawasan Tanjung Sepat juga pernah menghadapi masalah yang sama sebelum ini. Oleh itu, satu kumpulan WhatsApp telah</i></p> | JK |

| | | | |
|---|-----|--|-----------------|
| | | <i>ditubuhkan oleh Ketua Kampung dan disertai oleh TNB bagi menyalurkan maklumat berkaitan isu gangguan bekalan elektrik tersebut. Beliau mendapati terdapat penambahbaikan oleh pihak TNB berkaitan isu ini.</i> | |
| | 4.6 | MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 5 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 MEI 2022. | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut : | |
| ○ | i. | <p>Encik Naharanuar memohon supaya gambar penuh Ahli Majlis dipaparkan di billboard LED dengan berpakaian mengikut sambutan sesuatu perayaan supaya paparan lebih ceria.</p> <p><i>Pihak Majlis mengambil maklum cadangan ini dan akan dilaksanakan mengikut kesesuaian serta keperluan Ahli Majlis.</i></p> | Makluman |
| | 4.7 | MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 3 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 MAC 2022. | |
| ○ | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut : | |
| | i. | <p>Perkara 5.1.4</p> <p>Puan Nor Aishah memohon pihak Majlis mengadakan mesyuarat ‘post mortem’ berkenaan masalah banjir di Taman Langat Utama 3. Sebelum ini beliau ada meminta pihak PTDKL mengadakan mesyuarat tersebut tetapi tiada maklumbalas daripada PTDKL.</p> <p><i>YBhg. Dato’ Pengerusi memaklumkan pihak JPS telah diluluskan peruntukan sebanyak RM 2 billion untuk program Sungai Langat melibatkan 3 daerah iaitu Hulu Langat, Sepang dan Kuala Langat. Peruntukan ini akan digunakan pada tahun 2023 dan dilaksanakan oleh Ibu</i></p> | JK |

| | | | |
|-----|-----|---|-----------------|
| | | <p><i>Pejabat JPS untuk pengukuhan pelebaran, pendalaman dan pelebaran tebing serta ban. Oleh itu, pihak Majlis akan memberikan sedikit masa kepada pihak JPS untuk bersedia dengan perancangan kerja di daerah Kuala Langat berdasarkan peruntukan yang diterima itu dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Pengangkutan Awam dengan menjemput Puan Nor Aishah untuk turut serta dalam mesyuarat tersebut.</i></p> <p><i>Berhubung mesyuarat ‘post mortem’, pihak Majlis akan menulis surat rasmi kepada Pegawai Daerah Kuala Langat berkaitan isu banjir ini.</i></p> | |
| 5.0 | | <p>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</p> | |
| | 5.1 | <p>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 7 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 5 APRIL 2022.</p> | |
| | | <p>Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.</p> | |
| | 5.2 | <p>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 8 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 26 APRIL 2022.</p> | |
| | | <p>Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.</p> <p><i>Encik Zulkipli membangkitkan mengenai kerosakan rumah dan mendapan tanah di Taman Desa Idaman dimana wakil penduduk memaklumkan bahawa tahap kemajuan proses pembaikan adalah sangat perlakan. Sedangkan projek lain yang dikendalikan oleh pemaju yang sama didapati berjalan dengan lancar. Oleh itu, penduduk mengharapkan terdapat tekanan kepada pemaju supaya pembaikan dapat dilaksanakan dengan segera dan sebaiknya kerana ia melibatkan isu keselamatan.</i></p> | Makluman |

| | | | |
|-----|-----|--|----|
| | | <p><i>Mesyuarat dimaklumkan pihak JKB telah meminta pihak pemaju supaya mengemukakan kaedah yang terbaik untuk menutup ruang antara ‘beam’ dengan tanah. Pada masa ini pihak pemaju dan juru perunding sedang mencari kaedah yang sesuai dan pemantauan dibuat melalui kumpulan WhatsApp yang turut disertai oleh penduduk dan Ahli Majlis kawasan yang berkenaan.</i></p> | |
| 6.0 | | PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN | |
| | 6.1 | <p><u>KERTAS MESYUARAT NO. 1</u></p> <p>CADANGAN MENGADAKAN LAWATAN PENGERUSI MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK BERSAMA AHLI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Cadangan pelaksanaan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Lawatan ini akan diadakan selama 5 hari 4 malam seperti berikut : <p>Tarikh : 19 Julai hingga 23 Julai 2022 (Selasa – Sabtu)</p> <p>Bilangan : 45 orang</p> <p>Tempat : Nongkhaem WTE Plant, Bangkok Thailand</p> 2. Pihak urus setia telah mendapatkan tiga tawaran sebut harga dari pembekal dan kos lawatan meliputi tambang perjalanan, penginapan, makan minum dan pengangkutan sepanjang lawatan. Bayaran kos lawatan ini akan diuruskan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan MPKL. Sebarang perbezaan kos adalah menjadi tanggungan peserta lawatan. Senarai sebut harga adalah seperti di Lampiran A. <p><u>Ulasan ahli mesyuarat</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YBhg. Dato’ Pengerusi meminta urus setia menyusun semula itinerari lawatan supaya tidak | JP |

| | | | |
|---|-----|---|----|
| | | <p>berulang alik semula ke Bangkok. Selain itu, beliau meminta tarikh lawatan ditukar kepada 20 Julai hingga 24 Julai 2022 (Rabu-Ahad).</p> <p><i>Pihak urus setia akan berbincang semula dengan syarikat agensi pelancongan berkaitan perkara tersebut.</i></p> <p><u>KERTAS MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju memilih In Saff Travel & Tours Sdn. Bhd. (Pilihan 2 dengan kos keseluruhan RM 189,675.00).</p> | |
| ○ | 6.2 | <p><u>KERTAS MESYUARAT NO. 2</u></p> <p>PERMOHONAN KELULUSAN DAN PEWARTAAN KaedaH-Kaedah Pegawai Majlis Perbandaran Kuala Langat (kelakuan dan tatatertib) 2022.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><i>Latar belakang</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Gubalan Kaedah-kaedah ini telah dibincangkan bersama dengan semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) beserta pihak Kamar Penasihat Undang-Undang sejak tahun 2012. Draf Pindaan ini adalah seragam untuk semua peringkat PBT di Negeri Selangor. 2. Pihak Majlis telah menerima surat daripada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) bertarikh 12 April 2022 berkenaan cadangan untuk mewartakan gubalan Kaedah-kaedah tersebut. Kaedah-kaedah baru ini akan menggantikan Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) Majlis Daerah Kuala Langat 1995. 3. Selain peruntukan-peruntukan asal yang ditambahbaik, terdapat tiga peruntukan baru di dalam Kaedah-kaedah ini iaitu : | UP |

3.1 Peruntukan baru berkenaan gangguan seksual. Peruntukan ini merangkumi perbuatan cubaan untuk merapati orang lain secara seksual atau permintaan untuk layanan seksual. Ianya termasuklah pernyataan yang dibuat secara lisan, bertulis atau menggunakan kaedah lain. Ianya juga tidak tertakluk hanya pada waktu pejabat dan di tempat kerja sahaja selagi ianya mencemarkan nama Majlis.

3.2 Peruntukan baru mengenai penamatan pegawai demi kepentingan awam di mana pihak Majlis boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai itu. Peruntukan ini adalah peruntukan sedia ada kepada MPKL melalui pindaan pada tahun 2003. Walau bagaimanapun peruntukan ini adalah peruntukan baharu kepada 11 PBT Selangor yang lain. Lembaga Tatatertib boleh mengesyorkan kepada Majlis untuk menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai demi kepentingan awam walaupun prosiding tatatertib belum dijalankan. Selain itu, pegawai tersebut boleh tidak diberikan apa-apa peluang untuk didengar dan tidak dianggap dibuang kerja walaupun penamatan tersebut melibatkan hukuman serta berkaitan dengan kelakuan yang berhubung dengan jawatannya samada kelakuan tersebut tidak memuaskan atau salah.

3.3 Peruntukan baru berkenaan surcaj di mana Lembaga Tatatertib boleh mengenakan surcaj terhadap pegawai mengikut apa-apa tatacara kewangan yang berkuat kuasa atau terpakai kepada Majlis.

Asas pertimbangan

1. Cadangan draf gubalan yang dikemukakan ini banyak merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2006.

| | | | |
|--|-----|--|----|
| | | <p>2. Pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor telah membuat semakan ke atas draf Kaedah-Kaedah ini serta Mesyuarat Penyelarasan Bersama Jabatan Undang-Undang Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diadakan pada 29 Mac 2022 telah bersetuju agar draf bersih ini diangkat untuk kelulusan Mesyuarat Majlis tanpa sebarang pindaan. Surat arahan daripada SPBT bertarikh 12 April 2022 dilampirkan.</p> <p><u>Syor</u></p> <p>1. Mesyuarat Majlis Perbandaran Kuala Langat yang bersidang pada hari ini dipohon untuk meluluskan draf Kaedah-kaedah ini sebelum ianya dikemukakan semula kepada pihak SPBT untuk penyelarasan kelulusan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan seterusnya proses pewartaan.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p> | |
| | 6.3 | <p><u>KERTAS MESYUARAT NO. 3</u></p> <p>PERMOHONAN KELULUSAN DAN PEWARTAAN PERINTAH TETAP (MESYUARAT) (MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT) (PINDAAN) 2022.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Latar belakang</u></p> <p>1. Gubalan Pindaan ini telah dibincangkan bersama dengan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) beserta pihak Kamar Penasihat Undang-Undang. Draf Pindaan ini adalah seragam untuk semua peringkat PBT di Negeri Selangor.</p> | UP |

2. Pihak Majlis telah menerima surat daripada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) bertarikh 12 April 2022 berkenaan cadangan untuk mewartakan Perintah Tetap (Mesyuarat) ini. Draf gubalan ini kemudian akan dikenali sebagai Perintah Tetap (Mesyuarat) (Majlis Perbandaran Kuala Langat) (Pindaan) 2022.
3. Selain peruntukan-peruntukan asal yang ditambahbaik, terdapat peruntukan baru di dalam draf pindaan Perintah Tetap (Mesyuarat) ini adalah :
- 3.1 Peruntukan baru berkenaan Takrif Mesyuarat yang telah dikemaskini sama ada Mesyuarat secara fizikal atau pun Mesyuarat secara atas talian.
 - 3.2 Peruntukan baru mengenai Berkelakuan kurang sopan dan penyingkiran dari mesyuarat dalam talian di mana Pengerusi Mesyuarat boleh mengarahkan ahli mesyuarat supaya meninggalkan mesyuarat dalam talian sekiranya menimbulkan gangguan atau berkelakuan kurang sopan.
 - 3.3 Peruntukan baru mengenai kehadiran orang ramai dan wakil akhbar bagi mesyuarat dalam talian.

Asas pertimbangan

1. Perintah Tetap (Mesyuarat) (Majlis Perbandaran Kuala Langat) (Pindaan) 2022 ini adalah penambahbaikan kepada Perintah Ibu yang sedia ada iaitu Perintah Tetap (Mesyuarat) (Majlis Daerah Kuala Langat) 2007.
2. Pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor telah membuat semakan ke atas draf pindaan Perintah Tetap (Mesyuarat) ini dalam beberapa siri Mesyuarat Penyelaras Bersama Jabatan Undang-Undang Pihak Berkuasa Tempatan. Pada 29 Mac 2022 telah bersetuju agar draf bersih ini diangkat untuk kelulusan

| | | | |
|-----|-----|---|-----------------|
| | | <p>Mesyuarat Majlis tanpa sebarang pindaan. Surat arahan daripada SPBT bertarikh 12 April 2022 dilampirkan.</p> <p><u>Syor</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mesyuarat Majlis Perbandaran Kuala Langat yang bersidang pada hari ini dipohon untuk meluluskan draf Perintah Tetap (Mesyuarat) (Majlis Perbandaran Kuala Langat) (Pindaan) 2022 ini sebelum ianya dikemukakan semula kepada pihak SPBT untuk penyelarasan kelulusan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan seterusnya proses pewartaan. <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p> | |
| 7.0 | | UCAPAN PENANGGUHAN | |
| | | <p>Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Wong Kim Loon.</p> | |
| | 7.1 | <p>Beliau mengucapkan salam sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, YB. ADN Kawasan Banting, Tuan Timbalan Yang Dipertua, Ketua-ketua Whip, Ahli-Ahli Majlis, semua Pengarah, Ketua Unit dan Ketua Bahagian MPKL.</p> <p>Beliau mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga MPKL.</p> <p>Terlebih dahulu beliau mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Majlis Perbandaran Kuala Langat pada kali ini.</p> | Makluman |
| | 7.2 | <p>Beliau mengucapkan tahniah kepada YBhg. Dato' Pengurus diatas pelantikan sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat yang pertama. Ini merupakan satu sejarah buat Daerah Kuala Langat yang mempunyai seorang Yang Dipertua yang bergelar</p> | |

| | | | |
|--|-----|--|-----------------|
| | | <p>Dato' apatah lagi Yang Dipertua yang menyandang jawatan ini ketika ia berstatus Majlis Perbandaran buat pertama kali.</p> <p>Beliau turut menzahirkan ucapan tahniah kepada YBhg. Dato' Pengurus yang diberikan amanah untuk menyambung tempoh kontrak perkhidmatan di MPKL selama 2 tahun.</p> | Makluman |
| | 7.3 | <p>Tahun 2008 merupakan tahun pertama beliau menjawat jawatan Ahli Majlis dan beliau menerima jawatan ini dengan hati yang terbuka dengan hasrat untuk memberikan perkhidmatan yang sebaik mungkin kepada penduduk walaupun ketika itu tiada pengalaman sebagai seorang Ahli Majlis.</p> <p>Dengan bantuan serta kerjasama yang baik daripada Pengarah-pengarah, Ketua Unit dan Ketua Bahagian MPKL telah meningkatkan dan menambah pengetahuan beliau dalam melaksanakan tugas sebagai Ahli Majlis serta membantu menyelesaikan setiap permasalahan penduduk di dalam atau diluar kawasan beliau.</p> | Makluman |
| | 7.4 | <p>Pandemik Covid-19 memberi kesan kepada ekonomi negara. Industri pelancongan telah mendapat impak secara besar-besaran dengan penyebaran Corona Virus ini kerana sekatan perjalanan yang dihasilkan serta penurunan permintaan dalam kalangan pelancong. Ini menyebabkan banyak negara telah menetapkan larangan perjalanan dalam usaha untuk mengekang penularan wabak ini.</p> <p>Ekonomi Malaysia dan sektor pelancongan negara dijangka kembali mencatatkan pertumbuhan positif susulan kemajuan pelancaran Program Vaksinasi Dos Penggalak yang akan meningkatkan semula pengambilan vaksinasi.</p> | Makluman |
| | 7.5 | <p>Daerah Kuala Langat sememangnya terkenal dengan pelbagai produk pelancongan yang berjaya menarik kehadiran pelancong dari dalam negara mahu pun luar negara. Antara produk pelancongan yang menarik adalah seperti pelancongan pantai, pelancongan kebudayaan, pelancongan sukan, pelancongan eko, Jeti Tanjung Sepat dan banyak lagi.</p> | |

| | | | |
|--|-----|---|-----------------|
| | | <p>Menyentuh mengenai pelancongan kebudayaan, Pulau Carey merupakan satu penempatan kaun Mah Meri yang terkenal dengan kebudayaan peninggalan nenek moyang kaum tersebut. Kaum ini telah banyak menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan daripada pelbagai pihak serta menerima kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara.</p> <p>Selain itu, sukan paragliding di Bukit Jugra adalah antara yang menarik serta ekstrim. Sukan ini juga berjaya menarik kehadiran pengunjung serta penggemar sukan ini dari dalam dan luar negara. Yang lebih menarik, Bukit Jugra merupakan satu-satunya tempat yang pertama di Malaysia yang mendapat pengiktirafan daripada Persekutuan Sukan Udara Dunia (FAI) untuk menganjurkan kejohanan paragliding bertaraf dunia suatu ketika dahulu. Kejohanan ini telah berjaya menarik kehadiran peserta-peserta bertaraf dunia daripada Serbia, Montenegro, Jepun, Iran, Indonesia, Singapura, Mesir, Amerika, Perancis dan banyak lagi.</p> <p>Malahan ramai kakitangan MPKL telah layak menyertai beberapa siri kejohanan bertaraf dunia dan antarabangsa. Selain itu, mereka pernah menjuarai kejohanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.</p> | Makluman |
| | 7.6 | <p>Selain daripada pelancongan sukan, pelancongan eko turut menyumbang kepada peningkatan ekonomi penduduk setempat. Antara tempat yang menarik adalah seperti Ganofarm yang menanam dan memproses cendawan di Tanjung Sepat bagi tujuan perubatan dan makanan. Lokasi ini banyak menerima kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara.</p> <p>Daerah Kuala Langat sangat terkenal dengan penghasilan produk hasil kampung seperti kerepek. Setiap tahun daerah ini khususnya di Kampung Sungai Lang akan menjadi tumpuan pengunjung dari serata negeri untuk mendapatkan bekalan pelbagai kerepek di musim perayaan seperti Hari Raya.</p> | Makluman |

| | | | |
|--|-----|---|-----------------|
| | 7.7 | <p>Daerah Kuala Langat mempunyai beberapa kawasan pelancongan pantai yang terkenal seperti Pantai Morib, Pantai Kelanang, Pantai Batu Laut dan Pantai Chunang. Kesemua pantai ini mempunyai daya tarikan dan kekuatan masing-masing serta telah beberapa kali memenangi anugerah.</p> <p>Untuk mempertingkatkan serta mempromosikan sektor pelancongan Kuala Langat, beliau melalui seorang sahabat yang berada di Shanghai telah berhubung dengan Puan Zarina iaitu Pengarah Tourism Malaysia di Shanghai telah menjemput delegasi pelancongan dan media dari Negara China untuk membuat lawatan ke Kuala Langat pada bulan Mac 2017 yang lalu. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengkaji serta memperkenalkan destinasi pelancongan dan kebudayaan yang menarik di Kuala Langat. Antara tempat yang dilawati adalah Kampung Baru Tanjung Sepat bagi menikmati makanan laut yang segar, rumah ibadat Dong Zhen di Sungai Jarum, Taman Rekreasi Paya Bakau dan Rumah Tradisional 100 tahun di Kampung Sijangkang. Delegasi ini turut dibawa melawat ke Perkampungan Budaya Mah Meri di Pulau Carey.</p> <p>Melalui hasil kajian, para delegasi mendapati adat dan corak kebudayaan dengan diikuti makanan laut yang segar di Tanjung Sepat serta Rumah Tradisional 100 Tahun adalah begitu menarik sekali.</p> | Makluman |
| | 7.8 | <p>Susulan kepesatan penduduk dan peningkatan kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara ke daerah ini, beliau telah mencadangkan beberapa perkara seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelancongan di Pekan Tanjung Sepat merupakan salah satu tempat percutian pendek yang digemari oleh pelancong, mempunyai makanan laut yang segar, kopi tradisi, makanan buatan tangan seperti pau, bebola ikan dan sebagainya. Jeti Tanjung Sepat merupakan satu ikon yang menarik dimana pengunjung suka mengambil angin di tepi pantai dan mengambil gambar ketika matahari terbenam dengan keadaan penuh sesak pada setiap hujung minggu. | Makluman |

| | | | |
|--|--|---|----|
| | | <p>Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada MPKL yang telah memperuntukkan dan menyiapkan pembinaan Dataran Tanjung. Namun keadaan tapak kiosk di Dataran Tanjung yang terlalu panas menyebabkan kurang pengunjung ke kiosk tersebut. Oleh itu beliau mencadangkan pihak Majlis memasang kanvas yang menarik di situ atau memindahkan kesemua kiosk ke kawasan di bawah teduhan pokok di hadapan Jeti Tanjung Sepat. Ini juga dapat menghalang penjaja haram di situ.</p> <p>Selain itu, beliau memohon pemasangan lampu limpah di Dataran Tanjung kerana keadaan yang gelap pada waktu malam. Ia mampu menarik lebih ramai pengunjung untuk bersantai dan menjamu selera di Dataran Tanjung pada waktu malam. Ini akan membantu menambah pendapatan penjaja dan meningkatkan ekonomi setempat.</p> <p>2. Bukit Jugra yang menempatkan beberapa daya tarikan pelancongan seperti sukan paragliding, aktiviti memancing, jogging, <i>jungle tracking</i> dan sebagainya untuk dinaik taraf dan diberi nafas baru bagi kawasan tersebut. Proses naiktaraf ini perlu dilakukan terhadap kawasan pendaratan dan tempat luncur bagi sukan paragliding.</p> <p>Selain proses pemulihan dan menaiktaraf, satu lagi tempat meluncur perlu dibina kerana kedudukan angin di Bukit Jugra datang dari arah belakang dan hadapan bukit. Ketika ini tempat meluncur hanya menghadap laut dan angin datang dari arah laut. Apabila angin datang dari arah belakang bukit, ini akan memberi kesan negatif kerana tiada penerangan dapat dilakukan.</p> <p>Apabila kesemua kemudahan dan infrastruktur ini selesai dibangunkan dan dinaiktaraf, beliau mencadangkan satu badan khusus dilantik bagi mempromosi, mengendali, mengawal serta melakukan kerja-kerja pembersihan di kawasan sukan paragliding ini. Ini adalah kerana banyak tempat dan negara lain telah melaksanakannya</p> | JK |
|--|--|---|----|

| | | | |
|-----|------|---|-----------------|
| | | dan ia mampu memberikan impak yang positif bagi daerah ini. | |
| | 7.9 | <p>Tahun 2020 dan 2021 menyaksikan negara ini khususnya Daerah Kuala Langat telah dilanda wabak Covid-19 dimana ribuan penduduk telah menjadi mangsa akibat penularan wabak ini sehingga menyebabkan kematian.</p> <p>Justeru itu, beliau mengajak dan menyeru seluruh warga Kuala Langat khususnya warga MPKL untuk terus mematuhi SOP serta mengutamakan keselamatan diri dan keluarga #kitajagakita.</p> | Makluman |
| | 7.10 | <p>Sebelum mengakhiri ucapan, beliau memohon maaf sekiranya terdapat kesalahan atau kekhilafan dalam ucapan ini. Beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Pengurus, semua Pengarah, Ketua Unit, Ketua Bahagian dan rakan-rakan seperjuangan yang telah menghulurkan bantuan dan kerjasama sepanjang masa ini. Beliau berharap tahun 2022 ini akan memberikan sinar baharu kepada semua.</p> | Makluman |
| 8.0 | | UCAPAN PENUTUP OLEH PENGERUSI | |
| | | <p>YBhg. Dato' Pengurus mengucapkan terima kasih kepada Encik Wong Kim Loon di atas ucapan penangguhan yang diberikan. Beliau berharap perkara-perkara yang dibangkitkan akan diambil perhatian dan tindakan. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.</p> | Makluman |

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.50 pagi.

Disediakan oleh :

Urus Setia Mesyuarat,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh siap : 26/5/2022

Disemak oleh :


(TPr HAJI ARPAAI BIN HAJI SANAT, A.M.S., P.P.T., P.K.T.)

Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :


(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon
dan disokong oleh Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman tanpa pindaan.

PETUNJUK :

- | | | |
|-----------|---|---|
| 1. JKP | - | JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN |
| 2. JP | - | JABATAN PERBENDAHARAAN |
| 3. JPPH | - | JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA |
| 4. JPL | - | JABATAN PELESENAN |
| 5. JPP | - | JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN |
| 6. JK | - | JABATAN KEJURUTERAAN |
| 7. JKB | - | JABATAN KAWALAN BANGUNAN |
| 8. JL | - | JABATAN LANDSKAP |
| 9. JKPM | - | JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT |
| 10.JPK | - | JABATAN PENGUATKUASAAN |
| 11.JPSPKP | - | JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN |
| 12.BTM | - | BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT |
| 13.UU | - | UNIT PERUNDANGAN |
| 14.UAD | - | UNIT AUDIT DALAM |
| 15.OSC | - | UNIT PUSAT SETEMPAT |
| 16. COB | - | UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN |
| 17. UPUB | - | UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN |
| 18. BSP | - | PEJABAT CAWANGAN BANDAR SAUJANA PUTRA |

rosmawati/mesyuarat mpkl 5/2022